



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR** disaksikan Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah (kiri) berkenan merasmikan Karnival JCorp 2015 di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor, semalam. Turut hadir Mohamed Khaled Nordin dan Kamaruzzaman Abu Kassim (dua dari kanan). - MINGGUAN/ISHAK RAHMAD

# Sultan Johor, Permaisuri berangkat ke jamuan teh

**MUAR 18 April** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini berkenan berangkat ke majlis jamuan teh bersama rakyat di Dataran Tanjung Emas, di sini.

Majlis itu diadakan bersempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor pada 23 Mac lalu.

Mengiringi keberangkatan baginda ialah Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; puterinya, Tunku Aminah; Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris dan Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; barisan Exco kerajaan negeri; Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Ismail Karim; Ahli Parlimen Muar, Datuk Razali Ibrahim dan Presiden merangkap Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Pada majlis tersebut, Raja Zarith Sofiah turut menyampaikan sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) kepada golongan kurang

bernasib baik.

Baginda turut menyampaikan sumbangan KPJ Johor Corporation iaitu 10 kerusi roda dan katil selain menyerahkan sumbangan Mutiara Johor Corporation kepada Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) sebanyak RM10,000.

Sebelum berangkat pulang, Sultan Johor mencemar duli bersalaman dan beramah mesra dengan pengunjung di khemah utama.

Terdahulu, sebelum menyertai jamuan teh bersama rakyat, Sultan Johor berkenan merasmikan Karnival JCorp yang diadakan sempena istiadat itu di dataran berkenaan.

Baginda kemudiannya melawat balai khas pameran dan sejarah Kemahkotaan Sultan Johor.

Pada sebelah pagi, Sultan Ibrahim menyaksikan perlawanan akhir Pertandingan Futsal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Gelanggang Futsal Muar yang dimenangi Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Selepas itu baginda melawat Karnival Road To Hari Penternak,

Peladang dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015 di Jalan Maharani dan mengambil kesempatan beramah mesra dengan orang ramai termasuk melawat gerai-gerai di situ.

Sementara itu, turut berlangsung sempena Karnival JCorp ialah program Semarak Jawi yang menggunakan akhbar *Utusan Melayu Mingguan* sebagai medium aktiviti yang merupakan sebahagian tanggungjawab sosial korporat syarikat gergasi itu bagi memastikan generasi muda celik jawi dan memeliharanya sebagai warisan.

Peserta Semarak Jawi dalam kalangan pelajar sekolah itu perlu mempunyai kemahiran membaca tulisan jawi dan menyelesaikan soalan berdasarkan maklumat-maklumat dalam *Utusan Melayu Mingguan* dan balai khas pameran serta sejarah Kemahkotaan Sultan Johor.

Hadiah kepada pemenang Semarak Jawi akan disampaikan oleh Razali esok yang merupakan hari terakhir Karnival JCorp yang disertai 22 anak syarikat konglomerat negeri itu.